

**Tiada Kemajuan Bangunkan Hubungan Kereta Api Di Bhutan, Kata PM
Bernama
29 Mei, 2012
Daripada M. Saraswathi**

THIMPHU (Bhutan), 29 Mei (Bernama) -- Bhutan tidak mencatatkan kemajuan membangunkan satu sistem kereta api walau pun hubungan seperti itu sangat penting bagi negara yang tidak bersempadankan laut itu, kata Perdana Menteri Jigmi Y. Thinley.

Katanya adalah amat sukar melakukan sebarang kemajuan dalam bidang itu kerana kawasan yang boleh dibina sistem kereta api adalah sama ada sesak didiami penduduk atau merupakan kawasan pertanian utama.

"Kawasan yang boleh dibina landasan kereta api sesak dihuni penduduk atau merupakan kawasan perladangan teh yang sangat bernilai. Jadi, ia sangat sukar.. kami tidak mencapai kemajuan mewujudkan sistem kereta api," katanya kepada Bernama.

Thinley berkata demikian semasa ditanya mengenai kemajuan pelaksanaan Projek Kereta Api Trans Asia yang diilhamkan oleh Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik yang termasuk Bhutan.

Katanya atas sebab yang sama juga menyebabkan hubungan kereta api sukar dilaksanakan dengan India walau pun terdapat perancangan pelaksanaannya.

Kereta Api Trans Asia diilhamkan pada 1960-an dengan objektif menyediakan hubungan kereta api tanpa henti sejauh 14,000Km antara Singapura dan Istanbul, dengan kemungkinan sambungan seterusnya ke Eropah dan Afrika.

"Iron Silk Road" itu menawarkan potensi untuk memendekkan dengan banyak jarak dan mengurangkan tempoh transit antara negara dan wilayah sambil menjadi pemangkin bagi pengangkutan antarabangsa sebagai satu alat bagi peluasan perdagangan, pertumbuhan ekonomi dan pertukaran kebudayaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669414>